



20 Mac 2018  
20 March 2018  
P.U. (B) 130

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### ARAHAN KHAS MENTERI

### *SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu siasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah seksyen 194, 326 dan 341 Kanun Jenayah Belanda telah dimulakan di Belanda, suatu Negara asing;
- (b) Pejabat Pendakwa Raya di Mahkamah Daerah Belanda melalui Kementerian Keselamatan dan Keadilan Kerajaan Belanda telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubungan dengan Kerajaan Belanda; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Kerajaan Belanda berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubungan dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Kerajaan Belanda tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 28 Februari 2018  
[PN(R)152/185/29/15-15; PN(PU2)628/XI]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) an investigation relating to a criminal matter involving a foreign serious offence, that is an offence under section 194, 326 and 341 of the Netherlands Criminal Code has commenced in the Netherlands, a foreign State;
- (b) the Public Prosecutor's Office at the Netherlands District Court through the Ministry of Security and Justice of the Kingdom of Netherlands has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Kingdom of Netherlands; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the Kingdom of Netherlands in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, the Minister in charged with the responsibility for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Kingdom of Netherlands an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 28 February 2018  
[PN(R)152/185/29/15-15; PN(PU2)628/XI]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
*Minister in the Prime Minister's Department*